

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 8 Julai 2021

Kepada Semua

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/ Staf dan Pelajar
Universiti Teknologi MARA

وَبَرَكَاتُهُ
وَرَحْمَةً اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan selamat sejahtera

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan segala hormatnya surat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi rujukan JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(40) bertarikh 7 Julai 2021 mengenai Pelaksanaan Latihan Industri Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Sepanjang Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dirujuk.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan sedia maklum, pemakluman mengenai pengoperasian UiTM dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) telah dikeluarkan melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 10 Tahun 2021 dan melalui surat 100-UiTM(NC 6/2/1) bertarikh 3 Julai 2021 susulan pengumuman pelanjutan Fasa 1 PPN oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 27 Jun 2021.

3. Sehubungan itu, berikut adalah pemakluman pelaksanaan Latihan Industri (LI) bagi pelajar UiTM;

- (a) Pelaksanaan LI bagi pelajar UiTM **sepanjang tempoh fasa PPN** adalah **dibenarkan**. Sekiranya pelajar perlu hadir secara fizikal, **surat pelepasan untuk membenarkan pelajar menjalani LI** dengan menggunakan templat **Surat Kebenaran Pelajar Hadir Menjalani Latihan Industri Sepanjang Tempoh Fasa Pelan Pemulihan Negara** seperti di Lampiran 1;
- (b) Sekiranya LI pelajar dijalankan di luar kampus, kelulusan pergerakan pelajar adalah tertakluk kepada **surat kebenaran hadir bekerja yang perlu dikeluarkan oleh majikan** masing-masing; dan
- (c) Surat pelepasan yang lengkap (ditandatangani dan cop oleh Dekan/Rektor/Majikan) hendaklah dikemukakan bersama salinan surat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi rujukan JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(40) bertarikh 7 Julai 2021 ketika pelajar melalui Sekatan Jalan Raya.

Universiti Teknologi MARA

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2500 / 2233
Faks: (+603) 5544 3210



Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 8 Julai 2021

4. Saya menyarankan agar pemakluman ini dapat disampaikan kepada semua warga UiTM dalam memastikan urusan pelaksanaan LI pelajar berjalan lancar sepanjang tempoh PPN.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan berhubung perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

والسلام

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar



PROFESOR Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Rujukan Kami:

Tarikh:

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**SURAT KEBENARAN PELAJAR HADIR MENJALANI LATIHAN INDUSTRI SEPANJANG
TEMPOH FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Melalui pelaksanaan pelanjutan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuat kuasa sepanjang **Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN)**, maka dengan ini pihak institusi pendidikan tinggi mengeluarkan **Surat Kebenaran Pelajar Menjalani Latihan Industri** kepada penama berikut bagi tujuan pemeriksaan penguatkuasa PKP.

3. Maklumat penama adalah seperti berikut:

Nama Pelajar :
No. Kad Pengenalan :
No. Kad Pelajar :
Tujuan : Menjalani Latihan Industri
Jenis kenderaan/ No. Pendaftaran kenderaan:
Alamat Pelajar :
Alamat Institusi :
Tarikh pergerakan :

Maklumat berikut perlu diisi sekiranya Latihan Industri dijalankan **di luar kampus**:

Nama Syarikat :
Alamat Syarikat :
Tarikh pergerakan :

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi pihak institusi pendidikan tinggi seperti di bawah:

Nama Institusi Pendidikan Tinggi :
Nama Pegawai :
No. Telefon Bimbit :

Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan/puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Terima kasih.

.....
(NAMA PEGAWAI IPT YANG BOLEH DIHUBUNGI)